

KOM sedia insentif RM5,000

BERITA
HARIAN
10/3/2017
P. 54

Kuala Lumpur: Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) akan menyediakan insentif lebih RM5,000 kepada Zaidatul Husniah Zulkifli selepas memecahkan rekod kebangsaan 100 meter (m) wanita di Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan, awal pagi semalam.

Presiden KOM, Datuk Karim Ibrahim berkata ganjaran itu sebagai penghargaan atas usaha atlet berusia 24 tahun itu meleburkan rekod berusia 24 tahun, 11.50s milik G Shanti yang dilakar pada aksi Pra-Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

"Tahniah diucapkan kepada Zaidatul kerana mencatat 11.45s sekali gus menjadi atlet wanita terpantas di negara ini. Saya rasa bangga kerana program yang diatur di Afrika Selatan berjalan lancar."

"Selepas kembali dari sana (Afrika Selatan), dia akan menerima insentif lebih RM5,000 kerana rekod itu berusia 24 tahun," kata Karim kepada *BH Sukan*, semalam.

Ada empat kejohanan lagi



Selepas ini, atlet negara akan menyertai empat lagi kejohanan iaitu ASA Speed Series 4, Germiston pada 22 Mac, NWU/SASOL, Prestige International Meeting, Sasolburg (28 Mac), AGN League 10, Best Mrs Tuks (8 April) dan National Senior Championship, Potchefstroom (20-11 April).

Karim berkata KOM turut menyenaraikan Zaidatul untuk bertanding mewakili negara ke Kejohanan Dunia Persekutuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) 2017 di London dari 4 hingga 13 Ogos ini.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata kejayaan pelari pecut wanita negara, Zaidatul Husniah Zulkifli meleburkan rekod kebangsaan dengan catatan 11.45 saat pada Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan, semalam memberi petanda baik untuk Malaysia dalam acara itu pada Sukan SEA Kuala Lumpur, Ogos ini.

"Kita ada barisan pelari pecut lelaki yang sudah menunjukkan prestasi cemerlang dan sekarang, kita lihat melalui Zaidatul Husniah juga, kita berpeluang untuk mendapat kedudukan di podium pada Sukan SEA Kuala Lumpur.

"Saya sangat gembira dengan perkembangan pelari pecut kita dan berharap mereka akan mencapai kemuncak prestasi mereka pada temasya berkenaan," katanya semalam.



Tahniah kepada Zaidatul kerana mencatat 11.45s sekali gus menjadi atlet wanita terpantas di negara ini. Saya rasa bangga kerana program yang diatur di Afrika Selatan berjalan lancar"

Karim Ibrahim

Presiden KOM